



## **Resorts World Genting dan Tourism Malaysia Jalin Kerjasama Strategik bagi Menyokong Tahun Melawat Malaysia 2026**

***Ekopelancongan, edupelancongan, kemampanan dan inovasi menjadi  
tumpuan melalui Euforia dan BUNGA 2026***

**Genting Highlands, 21 November 2025** – Resorts World Genting (RWG) telah mengumumkan jalinan kerjasama penting dengan Tourism Malaysia bagi memperkukuh agenda pelancongan negara menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Kerjasama ini telah dimeterai melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah berlangsung di Resorts World Awana, disaksikan oleh YB Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Kerjasama strategik ini menegaskan komitmen RWG dalam menyokong pelan pembangunan pelancongan negara melalui tarikan bertaraf dunia, hospitaliti unggul dan pengalaman ekomampan yang bertujuan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan global pilihan.

Memorandum Persefahaman (MoU) tersebut telah ditandatangani secara rasmi oleh Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam, Resorts World Genting, serta Yang Berbahagia Datuk Manoharan Periasamy, Ketua Pengarah Tourism Malaysia.

Majlis tersebut turut telah dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa (EXCO) Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Pahang, Yang Berhormat Leong Yu Man; Ahli Parlimen Bentong, Yang Berhormat Young Syefura Othman; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Bentong, Yang Hormat Dato' Haji Rose Samsul Abdul Razak; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Yang Berusaha Puan Julaihah Jamaludin; Pengarah Kanan Bahagian Pengiklanan dan Digital merangkap Ketua Sekretariat VM2026, Encik Mohd Amirul Rizal Abdul Rahim; pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; wakil Tourism Selangor; VM2026; para pemimpin persatuan industri; serta barisan pengurusan kanan Resorts World Genting.

Antara kemuncak majlis ini ialah lawatan eksklusif Euforia di Resorts World Awana, tarikan ekopelancongan dan edupelancongan terbaharu RWG yang telah menjadi antara penyumbang utama kepada agenda VM2026. Menempati keluasan 12.5 ekar, Euforia menggabungkan hortikultur, seni dan konsep pemuliharaan, menawarkan pengalaman pembelajaran alam semula jadi kepada pengunjung tempatan dan antarabangsa. Menjadi fokus utama, kompleks rumah

hijau seluas 3.7 ekar, yang terbesar di Malaysia, menempatkan empat rumah kaca bertema dengan pengalaman botani berbeza dan mampu menampung sehingga 8,000 pengunjung pada masa yang sama.

Acara ini turut telah menjadi platform pengumuman BUNGA 2026, festival bunga tahunan sulung RWG yang telah meraikan biodiversiti Malaysia serta ekspresi seni dan kreativiti melalui flora. Ditetapkan berlangsung sekitar pertengahan 2026, edisi sulung festival ini akan bertemakan orkid dan menampilkan pertunjukan fesyen flora, bengkel artisan, taman berkonsep serta paparan mesra alam. BUNGA 2026 juga menjadi landasan kepada penganjuran Asia Pacific Orchid Conference (APOC) 2028, salah satu acara orkid dan pemuliharaan paling berprestij di rantau Asia Pasifik. APOC 2028 bakal menghimpunkan penggemar, penyelidik dan profesional dari seluruh rantau dan dunia, sekali gus mengukuhkan RWG sebagai hab utama inovasi botani, pemuliharaan dan pertukaran budaya.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ekopelancongan dan edupelancongan, RWG telah menunjukkan komitmennya terhadap kemampanan melalui pusat semaian dan ladang miliknya. Direka untuk menyokong keperluan landskap dan bekalan makanan resort, kemudahan ini memainkan peranan penting dalam usaha jangka panjang ke arah kelestarian sendiri. Selain itu, kemudahan ini berfungsi sebagai platform pembelajaran untuk sekolah dan komuniti setempat, memberikan pendedahan kepada amalan pertanian komersial serta laluan kerjaya dalam industri tersebut.

Selain Euforia, RWG turut menawarkan pelbagai pengalaman ekopelancongan dan edupelancongan, termasuk Genting Nature Adventures, taman orkid dan ladang, serta lawatan berpandu interaktif. Kesemua inisiatif ini mencerminkan pendekatan holistik RWG terhadap pelancongan lestari dan pengalaman berasaskan pembelajaran, menjadikan keseluruhan resort sebagai destinasi pendidikan dan ekologi bagi para pengunjung.

Di bawah MoU ini, RWG dan Tourism Malaysia telah berkolaborasi secara strategik bagi mempromosikan ekopelancongan dan edupelancongan sebagai teras utama VM2026. Kerjasama ini turut merangkumi sokongan RWG terhadap inisiatif domestik Tourism Malaysia melalui penganjuran lawatan suai kenal, pengalaman berkursi serta program khas. Selain itu, RWG turut mempromosikan kempen VM2026 secara aktif di seluruh rangkaianannya dan platform media melalui penglibatan kakitangan, inisiatif untuk para tetamu serta peningkatan keterlihatan penjenamaan, termasuk menerusi persembahan Genting SkyWorlds Immersive 360 di Studio Plaza Theatre. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, para pekerja Genting juga telah memakai pin lapel VM2026 sebagai tanda komitmen mereka.

“MoU ini merupakan satu pencapaian penting bagi RWG dalam usaha bekerjasama dengan Tourism Malaysia bagi menyokong Tahun Melawat Malaysia 2026,” kata Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam RWG. “Kami teruja untuk mempamerkan tawaran ekopelancongan dan edupelancongan kami, menyediakan pengalaman bermakna kepada pengunjung dari dalam dan luar negara, serta meraikan kekayaan semula jadi dan budaya Malaysia. Menerusi inisiatif seperti Euforia dan BUNGA 2026, kami berhasrat mempromosikan amalan pelancongan lestari serta peluang pembelajaran yang mudah diakses oleh semua.”

Kerjasama ini telah menandakan satu pencapaian penting dalam perkembangan pelancongan Malaysia, dengan RWG dan Tourism Malaysia berganding bahu untuk memperjuangkan kemampanan, inovasi dan pengalaman pelancongan yang bermakna serta membuka tirai kepada kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 yang lebih dinamik dan berimpak tinggi.

“Kami amat berbesar hati dapat menjalin kerjasama dengan RWG dalam memperkukuh usaha mempromosikan kelestarian, ekopelancongan dan edupelancongan, seiring dengan persiapan pelaksanaan kempen VM2026 yang dijangka memberikan impak yang lebih signifikan,” ujar Datuk Manoharan Periasamy. “Kerjasama ini mencerminkan kesepakatan visi dalam mempamerkan khazanah alam semula jadi Malaysia serta memperluas apresiasi terhadap biodiversiti negara. Kami menantikan jalinan kerjasama yang lebih erat dengan RWG dalam membangunkan pengalaman pelancongan yang mampu menginspirasi usaha pemuliharaan dan meningkatkan penghargaan terhadap warisan budaya.”

Seiring persediaan Malaysia untuk menyambut ketibaan pelancong antarabangsa sempena VM2026, pemeteraian kerjasama bersama RWG ini telah menjadi langkah penting dalam memperlihatkan keunikan gabungan alam semula jadi, budaya dan inovasi negara. Menerusi inisiatif seperti Euforia serta program ekopelancongan dan edupelancongan pada masa hadapan, kerjasama strategik ini telah terus mengukuhkan komitmen Tourism Malaysia dalam mempromosikan pelancongan bertanggungjawab yang memelihara warisan alam negara di samping mengiktiraf kepelbagaian yang menjadi identiti Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai program dan tawaran RWG, layari [rwgenting.com](http://rwgenting.com) atau ikuti saluran media sosial rasmi kami.

– Tamat –

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ms. Michelle Wong**

Head – Public Relations & Communication  
Social Commerce and Public Communication  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9608  
Email: [michelle.wong@rwgenting.com](mailto:michelle.wong@rwgenting.com)

**Ms Mei Yeap Lee Mui**

Assistant Manager  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9447  
Email: [mei.yeap@rwgenting.com](mailto:mei.yeap@rwgenting.com)

**Mengenai Genting Malaysia**

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk

menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Zurina Abd. Samad**

Senior Deputy Director

VM2026 Secretariat

Tourism Malaysia

Tel: (603) 8891 8702

Email: [zurina@tourism.gov.my](mailto:zurina@tourism.gov.my)

**Norshariza Mohd Saad**

Deputy Director

Corporate Communications Division

Tourism Malaysia

Tel: (603) 8891 8775

Email: [norshariza@tourism.gov.my](mailto:norshariza@tourism.gov.my)

**Mengenai Tourism Malaysia**

Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia, atau lebih dikenali sebagai Tourism Malaysia, merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Agensi ini ditubuhkan dengan mandat khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah berkembang sebagai salah satu peneraju utama dalam industri pelancongan di peringkat antarabangsa.

Tahun Melawat Malaysia yang seterusnya, yang dijadualkan pada tahun 2026, akan meraikan kelestarian industri pelancongan negara, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

Di samping itu, Tourism Malaysia turut memberikan sokongan aktif terhadap inisiatif Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), dalam usaha merealisasikan Tahun Melawat IMT-GT 2023–2025 dengan matlamat bersama untuk mempromosikan rantau ini sebagai destinasi pelancongan serantau yang bersepadu. Untuk maklumat lanjut, sila layari platform media sosial rasmi Tourism Malaysia di Facebook, Instagram, X, YouTube dan TikTok.